

BULETIN

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

EDISI PERTAMA 2022

STUDENT LEADERS
MANAGEMENT
TRAINING 2022
m.s. 20

PILIHAN RAYA
KAMPUS m.s. 3

m.s.

7

**KEM
KEPIMPINAN**
Majlis Perwakilan Pelajar

BULETIN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

Edisi Pertama, 2022

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak
e ISSN: 2948-4669

<https://www.pmbbs.edu.my/v3/index.php/muat-turun/penerbitan/category/22-e-bulletin?download=91:buletin-majlis-perwakilan-pelajar>

Diterbitkan oleh:

Politeknik METrO Betong Sarawak

**1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong Jalan Baru Betong,
95700, Betong, Sarawak**

VISI



**Melahirkan bakal pemimpin yang holistik
dalam pelbagai aspek serta mampu
memenuhi keperluan pengalaman kampus
secara menyeluruh.**

MISI



**Mendukung nilai berintegriti dan berdedikasi
dalam aspek pengurusan pembangunan,
perkhidmatan, dan pengurusan strategik
pelajar.**

PENGENALAN MPP



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bertindak mewakili pelajar dalam segala hal dan menyuarakan isi hati dan pandangan pelajar kepada institusi. MPP juga bertanggungjawab dalam membantu melahirkan pelajar yang cemerlang dalam aspek kemahiran, akademik, sukan, dan sebagainya.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ditubuhkan dalam membangunkan personaliti dan idea seorang pemimpin dalam kalangan pelajar. MPP dibentuk melalui pembelajaran pengurusan, kepimpinan, pelaksanaan aktiviti, etika majlis dan motivasi bagi membolehkan mereka mempunyai nilai tambah yang berbeza berbanding pelajar lain.

Selain itu, MPP mempunyai peranan membantu pihak pengurusan dalam mengenalpasti keperluan dan kebajikan pelajar. Tambahan pula, MPP bertindak menghidupkan suasana kolej dengan pelbagai agenda dan aktiviti untuk pelajar.

OBJEKTIF UTAMA MPP

- Melahirkan barisan pemimpin pelajar yang berwibawa.
- Membantu pelajar mendapatkan kemudahan di samping memaksimumkan penggunaan kemudahan sedia ada.
- Berusaha mempelbagaikan aktiviti pelajar.
- Menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam pelaksanaan setiap aktiviti yang dirancang.
- Menyalurkan segala permasalahan dan cadangan berhubung kebajikan pelajar kepada pihak pengurusan.

JAWATANKUASA BULETIN MPP

PENAUNG

ENCIK SUHAILI BIN ALEH



PENASIHAT

PUAN SITI SYUHAILA BINTI ZAHARI

EDITOR



ENCIK GREGORY EVAN
ANAK NANSON



CIK JESSICA ANAK
JAWA



GRAFIK & SENI REKA

CIK AFIFAH BINTI
BOLHASSAN



TERBITAN & EDARAN

PUAN EVELYN ANAK
FRANKLING TEGIK

ISI KANDUNGAN

Buletin MPP

i

VISI & MISI

ii

**PENGENALAN
MPP**

iii

**OBJEKTIF
UTAMA MPP**

iv

**JAWATANKUAS
A BULETIN MPP**

1 - 34

SOROTAN MPP



PROGRAM "CARING FOR FUTURE: ECO-NATURE VOLUNTEERISM"



27 JANUARI 2022

Program "Caring For Future: Eco-Nature Volunteerism" merupakan satu program Tanggungjawab Sosial Korporat yang telah dijalankan di Pusat Hidupan Liar, Matang (MWC). Seramai 17 orang pelajar Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan 3 orang penasihat MPP, Politeknik METrO Betong Sarawak telah berjaya menjalankan program tersebut pada tanggal 27 Januari 2022.

Rombongan ini telah disambut oleh En. Abang Norizan bin Abang Median, Pemangku Pengurus Wilayah Kuching. Dalam majlis perasmian program "Caring For Future: Eco-Nature Volunteerism", Pengarah Politeknik METrO Betong, En. Suhaili Bin Aleh telah menyerahkan sijil penghargaan kepada Sarawak Forestry Corporation (SFC).

Majlis Perwakilan Pelajar PMBS dengan kerjasama Bank Rakyat Cawangan Betong juga telah menyumbangkan papan tanda amaran untuk MWC dimana ianya telah diletakkan di kawasan tempat perkelahan, Sg. Rayu MWC.

Antara aktiviti kesukarelawanan yang telah dijalankan adalah mengecat pondok, membersihkan kawasan persekitaran dan memasang papan tanda amaran. Dengan adanya program khidmat masyarakat seperti ini, ia dapat mengekalkan keseimbangan sesebuah ekosistem.

Sekitar Aktiviti



Penyerahan cenderahati daripada PMBS yang diserahkan oleh Pengarah iaitu Encik Suhaili Bin Aleh kepada pihak di Pusat Hidupan Liar, Matang (MWC)

Aktiviti mengecat pondok sedang gigih dilakukan oleh MPP dan Penasihat MPP bersama pihak di Pusat Hidupan Liar, Matang (MWC)



Aktiviti mengecat pondok sedang gigih dilakukan oleh MPP dan Penasihat MPP bersama pihak di Pusat Hidupan Liar, Matang (MWC).



Penyerahan sijil daripada Pihak Pusat Hidupan Liar, Matang (MWC) kepada Penasihat MPP dan para MPP.

CALON PILIHANRAYA KAMPUS 2022

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK



<https://www.pmbs.edu.my/v3/>



Politeknik METRO Betong Sarawak



politeknikmetrobetongsarawak

20 MAC - 25 MAC 2022

PILIHAN RAYA KAMPUS MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PMBS TAHUN 2022

Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) berkewajipan melaksanakan Pilihan Raya Kampus (PRK) dengan memberi peluang kepada pelajar membuat pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta menepati peraturan dan kaedah-kaedah di dalam Akta 174. Seiring dengan kehendak semasa, pemilihan melalui pengundian dan pengiraan undi dicadangkan untuk dilaksanakan bagi memastikan perwakilan pelajar adalah terdiri dari kalangan yang benar-benar terpilih oleh pelajar dan mendapat sokongan majoriti. Pencalonan juga hanya terbuka kepada pelajar Semester 2 hingga Semester 4 sahaja.

Matlamat utama PRK ini adalah untuk melantik Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METRO Betong Sarawak bagi Tahun 2022 dan 2023, serta melahirkan barisan pimpinan pelajar yang lebih mampan dan berkualiti serta diterima sebagai pemimpin oleh majoriti pelajar.



Pihak yang diberi tanggungjawab mengendalikan pilihan raya kampus ini dinamakan sebagai Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus dan diketuai oleh Penasihat MPP PMBS bersama Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar PMBS. Pilihan Raya Kampus di PMBS kali ini telah disempurnakan pada Khamis, 24hb Mac 2022 menggunakan kaedah undian secara atas talian sepenuhnya melalui Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP).

Sebelum PRK berlangsung, pelajar yang berminat untuk menjadi MPP diminta untuk mengisi borang pencalonan yang telah disediakan.

Sebanyak 23 orang calon yang menghantar nama, dimana 9 calon telah mendaftar untuk Kerusi Umum dan 14 orang calon untuk Kerusi Jabatan. Selepas itu, semua calon diminta untuk berkempen menerusi media sosial dengan memuat naik poster yang mengandungi manifesto tersebut merupakan janji-janji yang ditawarkan kepada para pelajar jika mereka Berjaya dipilih menjadi MPP.

Pada hari undian, proses berjalan dengan sangat lancar bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir tepat pada jam 1.00 petang. Tepat pada jam 4.00 petang, borang keputusan PRK telah disokong oleh Ketua Unit HEP dan diluluskan oleh Tuan Pengarah PMBS. Seramai 16 orang calon telah terpilih untuk memangku tugas selaku Majlis Perwakilan Pelajar PMBS Sesi 2022/2023. Satu sesi pengumuman keputusan secara langsung disempurnakan oleh Tuan Pengarah sendiri menerusi laman rasmi Facebook Politeknik METrO Betong Sarawak pada pukul 9.30 pagi, 25hb Mac 2022.

POLITEKNIK
"MALAYSIAN"
METRO BETONG SARAWAK

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

MPP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PILIHAN RAYA KAMPUS 2022

KERUSI UMUM

U001	U002	U003
U004	U005	U006
U007	U008	U009

KERUSI JABATAN

J001	J002	J003	J004	J005	J006	J007
J008	J009	J010	J011	J012	J013	J014

JOM MENGUNDI !!
TUNAIKAN HAK DAN TANGGUNGJAWAB ANDA!!

Tarikh mengundi adalah pada **"24 MAC 2022"** dan masa mengundi adalah pukul **"9.00 pagi hingga pukul 01.00 petang"** melalui pautan laman web <https://smpm.pmba.edu.my/raah-prk>

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi dengan Pengurus Pilihanraya MPP Sesi II 2021/2022, En. Gregory Evan Anak Nanson atau Cik Jessica Anak Jawa

<https://www.pmba.edu.my/v3/> Politeknik METrO Betong Sarawak politeknikmetrobetongsarawak PalyMETrO Betong Sarawak 083-472676

Senarai calon bertanding untuk PRK

Antara poster manifesto calon-calon MPP Sesi 2022/2023

POLITEKNIK MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

MPP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

CALON MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

SHAMZLY NORMAN ANAK FRANKLY LAWRENCE

CALON KERUSI UMUM

MANIFESTO

Memperkasakan mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang Multimedia

Penggunaan multimedia pada zaman kini adalah sangat meluas. Sehubungan dengan itu, pelajar PMBS haruslah mengambil peluang untuk belajar lebih mendalam lagi berkenaan teknologi khususnya bidang Multimedia untuk memudahkan mereka membuat tugas spesifik yang memerlukan kemahiran khas berkaitan Multimedia.

THE PRICE OF GREATNESS IS RESPONSIBILITY

NO CALON : U9

POLITEKNIK MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

MPP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

CALON KERUSI JABATAN

MARTIN MOSLIM

DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN
SEMESTER 3

MANIFESTO:

1. Berusaha menjadi Icon kepada pelajar dalam mengeluarkan potensi di kalangan Umum.
2. Mengadakan pelbagai aktiviti sebagai Platform untuk menyerlahkan bakat di PMBS.
3. Menjadi jambatan penghubung antara pelajar dengan pihak atasan.

f @xlouismartin

"SUARA KITA, PENCETUS PERUBAHAN"

POLITEKNIK MALAYSIA
METRO BETONG

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

MPP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

CALON KERUSI JABATAN

MANIFESTO

1. Memperkasakan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar PMBS

Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi keyakinan pelajar PMBS dari segi bertutur, menulis dan membaca. Bukan itu sahaja, penguasaan dalam Bahasa Inggeris juga dapat melengkapkan diri pelajar dalam konteks akademik.

ISABELL MAXCORINA
SEMESTER 4
DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN

VOTE ME

IF YOU CAN DREAM IT, WE'LL ACHIEVE IT"

POLITEKNIK MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

MPP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

CALON MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2022

JESSICA YEK SIEW YU

MANIFESTO:

- BERUSAHA MENINGKATKAN TAHAP "EMPLOYABILITY" PELAJAR PMBS.
- MEMPERJUANGKAN KEBAJIKAN DAN HAK MAHASISWA.
- MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI SUKAN SECARA HIBRID DI PMBS.

**CALON KERUSI UMUM
CALON NO. U6**

"EVERYTHING WILL BECOME TRUE"



Para pelajar sedang menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.

Pengumuman pemenang
Pilihan Raya
Majlis Perwakilan Pelajar
Sesi 2022/2023



Barisan Majlis Tertinggi
dan Jabatan Majlis
Perwakilan Pelajar Sesi
2022/2023

Kem Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar



Bertempat di Kem Alapong, Lundu, seramai 16 orang Majlis Perwakilan Pelajar PMBS, yang telah terpilih pada Pilihan Raya Kampus 24 Mac 2022 yang lalu, menghadiri dengan jayanya Kem Kepimpinan MPP. Mereka diiringi oleh Penasihat MPP iaitu, Encik Gregory Evan Anak Nanson dan Cik Jessica Anak Jawa.

Tujuan kem ini diadakan adalah untuk melatih barisan MPP yang baharu ini ke arah menjadi seorang insan yang lengkap dari segi pelbagai aspek seperti fizikal, mental, dan rohani serta bersedia untuk menggalas tanggungjawab yang bakal diamanahkan kepada mereka.

Kem ini juga bertujuan untuk membina jati diri di kalangan ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar PMBS sebagai seorang pemimpin yang berkaliber dan berwawasan, serta bertujuan untuk melahirkan pemimpin yang mempunyai gaya kepemimpinan yang ideal serta dapat memotivasikan.

Kem Kepimpinan ini telah dipimpin oleh Encik Haji Reduan Bin Tuah selaku Ketua Fasilitator dan juga pengusaha Kem Alapong, Lundu.



Sorotan MPP

Aktiviti yang dijalankan sepanjang kem ini sangat sesuai untuk membentuk sahsiah dan keterampilan sebagai seorang pemimpin, membentuk jati diri di kalangan pelajar dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan, dan dapat melahirkan pemimpin yang proaktif dalam menyusun gerak kerja secara berpasukan.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada En. Nikk Adam Bin Abdillah Kipalli, Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan & Komuniti, SEDC, yang turut bersama memberikan perkongsian kepada barisan pemimpin PMBS dan kemudian nya merasmikan penangguhan Kem Kepimpinan MPP 2022.



Sorotan MPP



Para peserta mempelajari cara-cara membuat rakit dan pelbagai ikatan simpulan tali sekaligus membuat rakit sendiri.



Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dijalankan bagi memperbaiki cara berkomunikasi, semangat berkumpul dan sumbang saran idea.

Sorotan MPP



Aktiviti
Abseiling,
aktiviti berakit
dan juga sesi
Jelajah Pantai
Pandan
diadakan
pada hari
yang sama.



Program Pengembaraan Menjejaki Alam Semulajadi
dan "Test of Endurance-Survival Skill".

Sekitar Aktiviti



Aktiviti Orienting & Explore Race, di mana peserta mencari barang tersembunyi menggunakan kompas.



Aktiviti jalan lilin diadakan pada sebelah malam.

Sekitar Aktiviti



Aktiviti Tongkat Amanah yang dilakukan secara berpasukan bagi menguji ketahanan fizikal dan semangat berpasukan dalam kumpulan.



Majlis Penutupan Kem Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar PMBS 2022 telah dijalankan dengan jayanya oleh pihak Penganjur bersama MPP.

WATIKAH PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PMBS

20 APRIL 2022



WATIKAH PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PMBS

Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METRo Betong Sarawak adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pelajar yang telah terpilih sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar PMBS untuk mereka menjalankan tugas dengan penuh amanah dan ikhlas.

Watikah Pelantikan ini juga sebagai titik permulaan bagi 15 pelajar yang terpilih sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar PMBS Sesi 2022/2023. Watikah Pelantikan ini dihadiri oleh pengurusan tertinggi PMBS dan Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar PMBS.

Watikah Pelantikan disampaikan sendiri oleh Tuan Pengarah Politeknik METRo Betong Sarawak iaitu Encik Suhaili Bin Aleh. Beliau berharap bahawa MPP PMBS dapat membantu dan bekerjasama dengan pihak pengurusan dalam membawa Politeknik METRo Betong Sarawak ke arah yang lebih cemerlang dan dikenali ramai khususnya masyarakat tempatan khususnya penduduk daerah Betong.





**Penyerahan
watikah pelantikan
MPP**

**Sesi bergambar
bersama pengurusan
tertinggi PMBS**



PROGRAM JUALAN BULAN RAMADHAN

RAMADHAN IBARAT HUJAN
IA MENYUBURKAN BENIH KEBAIKAN

Sepanjang bulan Ramadhan tahun ini, team MPP Politeknik METrO Betong telah membuat jualan yang diberi nama Ahlan Wahsan Ramadhan Al- Mubarak bermaksud selamat datang dalam bahasa Arab pada bulan Ramadhan yang lalu.

Tujuan jualan ini dibuat adalah untuk mengeratkan lagi hubungan dikalangan MPP dengan pelajar PMBS. Di samping itu, dapat menjana pendapatan MPP serta memudahkan pelajar muslim untuk membeli makanan untuk berbuka puasa.

Terdapat pelbagai jenis menu istimewa yang dijual pada bulan tersebut seperti air laici Kang, crab Rangoon, ice cream gula apong dan banyak lagi.

Dengan kerjasama semua MPP serta turut dibantu oleh penasihat MPP iaitu sir Gregory Evan dan Miss Jessica, aktiviti jualan ini berjalan dengan lancar seperti yang dirancang. Semua usaha dan penat lelah membuahkan hasil. Disamping itu aktiviti ini juga dapat membantu MPP menambahkan lagi pengetahuan dalam keusahawanan sekaligus dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi.

Sekitar Aktiviti



Proses Pengambilan pesanan secara Walk-in & Whatsapp



Proses penghantaran makanan kepada pelanggan



Proses penyediaan makanan



Proses memasak di dapur diketuai oleh En. Gregory Evan Anak Nanson

Program

POLYTECHNIC AND COMMUNITY COLLEGE'S STUDENT LEADERS MANAGEMENT TRAINING 2022 (POLY-SMART'22)

11 – 13 JUN 2022

Pada 11 hingga 13 Jun yang lalu, Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan telah mengadakan Program Polytechnic and Community College's Student Leaders Management Training 2022 atau lebih dikenali sebagai Poly-Smart 22.

Program ini adalah inisiatif daripada pihak pengurusan Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan untuk mengumpul kesemua Yang Di-Pertua Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah satu bumbung.



Program Poly-Smart 22 ini bertujuan membentuk ahli Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPPK & JPPKKK) bagi sesi 2022/2023. Program ini bertempat di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur.

Program

POLYTECHNIC AND COMMUNITY COLLEGE'S STUDENT LEADERS MANAGEMENT TRAINING 2022 (POLY-SMART'22)

11 – 13 JUN 2022

Program yang berlangsung selama 4 Hari 3 Malam ini telah memberi pelbagai manfaat kepada Yang Di-Pertua Politeknik dan juga Kolej Komuniti dengan pelbagai pengisian program yang telah dibuat seperti Unfinished Business, Corporate War dan Pilihan Raya untuk membentuk ahli Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan.

Program ini meningkatkan lagi sikap kepimpinan diantara Yang Di-Pertua Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara. Akhir sekali, program ini juga memberi peluang kepada semua Yang Di-Pertua untuk bertukar pendapat dan cadangan bagi politeknik dan Kolej Komuniti masing-masing.



*Yang Di-Pertua
Politeknik METrO Betong Sarawak*

**SHAMZLY NORMAN
ANAK FRANKLY LAWRENCE**

Sekitar Program

POLYTECHNIC AND COMMUNITY COLLEGE'S STUDENT LEADERS MANAGEMENT TRAINING 2022 (POLY-SMART'22)

11 – 13 JUN 2022

Bergambar bersama

PN. MADIHAH BINTI PAIIZI



Bergambar bersama

**DOKTOR NOOR AZAM
SAMSUDIN**



Sekitar Program

POLYTECHNIC AND COMMUNITY COLLEGE'S STUDENT LEADERS MANAGEMENT TRAINING 2022 (POLY-SMART'22)

11 – 13 JUN 2022

Yang Di-Pertua Politeknik & Kolej Komuniti
bahagian Borneo

BERGAMBAR BERSAMA PN. MADIHAH BINTI PAIIZI



Aktiviti kecekapan minda

TELAH BERJAYA DISELESAIKAN

Majlis Apresiasi 5 Pelajar Semester 5

11-13 Jun 2022

Majlis ini dikhaskan kepada semua pelajar semester 5 sesi II 2021/2022 untuk menghargai mereka sebelum mereka memulakan Latihan Industri pada semester depan. Program ini dijalankan di Sri Metro Gemilang, PMBS dan dihadiri pengurusan tertinggi dan kesemua pensyarah pelancongan dan perbankan. Pelajar semester 5 berjumlah 23 pelajar iaitu 16 pelajar DUP dan 7 pelajar DKB.

Pengisian program tersebut adalah ucapan dari Ketua Jabatan Akademik, diikuti dengan ucapan perasmian daripada Tuan Pengarah, ucapan wakil pelajar semester 5,



Persembahan semester 5 dari kelas DKB & DUP, dan Penyampaian sijil kepada Pelajar yang cemerlang dari segi sahsiah, akademik dan sukan. Tidak melupakan, PMBS sangat menghargai sumbangan dari pelajar Semester 5. Selain itu, setiap kelas Semester 5 diminta untuk membuat satu video kenangan sepanjang perjalanan mereka dari Semester 1 sehingga Semester 5. Bukan sahaja itu, Majlis Perwakilan Pelajar juga telah menyediakan tempat mengambil gambar untuk pelajar semester 5 dan pensyarah mereka sebagai kenangan dan memori.



Sekitar Aktiviti



Pelajar semester 5 Jabatan Pelancongan & Perdagangan
Politeknik METRO Betong Sarawak



Pengurusan tertinggi dan Pensyarah menikmati menjamu selera

Sekitar Aktiviti



Persembahan pelajar DUP & DKB
Semester 5



Buah tangan yang dihadiahkan kepada
pelajar semester 5



Tempat mengambil gambar yang dihias oleh
Majlis Perwakilan Pelajar



Pelajar semester 5 yang menerima
anugerah



PERTANDINGAN TRANSITION TIKTOK PMBS

Tiktok adalah sejenis aplikasi media sosial yang paling popular dalam semua kalangan umur pada masa kini . Tiktok adalah suatu aplikasi dimana kita mencipta video lalu menyiarkannya. Pelbagai video yang boleh kita buat melalui tiktok seperti video berkongsi resipi masakan, nyanyian, lakonan, dan tempat untuk mempromosi barang jualan.

Hal ini kerana, tiktok mudah digunakan dan tidak dikenakan bayaran jika kita menggunakan applikasi tiktok. Dengan kelebihan yang ada padatiktok, kita dapat memanfaatkannya untuk diri sendiri atau orang lain. Di tiktok, kita juga dapat belajar banyak benda baharu seperti, belajar bahasa Cina, belajar memasak, dan sebagainya. Dengan kesempatan ini, MPP telah membuat satu pertandingan video transaksi tiktoksempena hari Gawai Raya.

Penyertaan terbuka kepada semua pelajar PMBS. Pelajar dikehendaki membuat transaksi video mereka menggunakan pakaian tradisional. Program ini mendapat sambutan pelajar iaitu sebanyak 10 video penyertaan daripada pelajar. Banyak bakat serta idea yang ada pada pelajar PMBS yang telah mereka pameran melalui video tiktok ini.Undian telah dibuat secara adil oleh MPP sendiri melalui Google Form. Pengumuman pemenang dibuat semasa Majlis Gawai Raya iaitu pada 21 Jun 2022. Akhir sekali, TikTok adalah suatu platform baru bagi pelajar untuk menambah pengetahuan dan mengasah kemahiran dalam membuat video yang kreatif.



**Johan Transition TikTok Gawai Raya PMBS
JACQUELYN ANAK JEFREY**



**Naib Johan Transition TikTok Gawai Raya PMBS
SITI ZUERAYINA**



**Tempat ketiga Transition TikTok Gawai Raya PMBS
DOSPINE SELINA**

Program Gawai Raya PMBS

Pada 21 Jun Politeknik METrO Betong telah membuat program Gawai Raya yang dibantu oleh MPP. Program ini dibuat untuk merayakan Hari Gawai yang disambut oleh suku kaum Dayak setiap bulan Jun.



Hari Gawai dibuat atau disambut untuk menandakan bahawa tamatnya musim menuai padi. Hari Gawai disambut bagi menghormati tradisi suku kaum Dayak dengan menyambut dengan pelbagai acara seperti "Menebang Ranyai", menari tarian tradisional bagi membahaskan upacara yang dibuat. Hari Raya yang disambut oleh kaum Melayu dan umat Islam akan pula disambut selepas habisnya hari puasa selama sebulan.

Tujuan Hari Raya Aidilfitri ini dibuat untuk tanda kemenangan umat Islam setelah berjaya mengerjakan ibadat puasa dalam Bulan Ramadhan dengan sempurna. MPP PMBS membantu pensyarah dalam penyiapan pentas dan tempat, pendaftaran pelajar dan aspek teknikal, makanan dan multimedia. Gawai raya ini juga dibantu oleh pelajar PMBS serta kakitangan kolej komuniti dalam menjayakan majlis ini.

Diharapkan program seperti ini diteruskan supaya budaya kita tidak ditelan zaman lebih lagi pada zaman era globalisasi ini. Oleh yang demikian, program seperti ini dapat memberi banyak impak positif dalam kalangan pelajar, kakitangan pmbs, pensyarah dan juga dari kolej komuniti supaya hubungan antara kita terjalin dengan erat dan tidak dipandang asing kerana walaupun PMBS dan Kolej Komuniti berdekatan tetapi perasaan segan untuk berkomunikasi sesama diri itu pasti ada. Akhir sekali, dengan adanya program seperti ini lah kita dapat bersuai kenal, bertanya khabar dan mendapat kenalan baru. Diharapkan agar setiap proses pelaksanaan program yang dilakukan dapat memberi manfaat di dalam kalangan komuniti PMBS .

Sekitar Aktiviti



Pelajar PMBS yang hadir



Kaunter Pendaftaran



Pelajar PMBS yang hadir

Sekitar Aktiviti



Perhiasan tempat pada majlis Ngabang Gawai Raya



Makanan makanan yang dihidangkan untuk majlis Ngabang Gawai Raya

21 JUN 2022

Sekitar Aktiviti



Staff PMBS dan Kolej Komuniti



Persembahan pembukaan dari Layar Seni Betong PMBS

Sekitar Aktiviti

***Majlis Perasmian oleh
Pengarah Politeknik METrO
Betong Sarawak & Pengarah
Kolej Komuniti Betong***





Polytechnic and Community College Youth Skill Enhancement Programme 2022 (POLYCC YSEP'22)

22 – 24 JULAI 2022

Pada 22 hingga 24 Julai 2022 yang lepas, Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah mengadakan Polytechnic and Community College Programme 2020 (POLYCC YSEP'22) yang bertempat di Langkawi Tourism @ Kolej Komuniti Langkawi. Program ini telah dikelola oleh Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dengan kerjasama Langkawi Tourism Academy @ Kolej Komuniti Langkawi. Sebanyak 36 Politeknik dan 20 Kolej Komuniti di seluruh Malaysia telah dijemput bagi menghadiri program tersebut.

Objektif utama program pada kali ini adalah untuk membentuk Yang Di-Pertua Politeknik dan Kolej Komuniti di Malaysia menjadi tauladan yang unggul di kalangan pelajar institusi masing-masing. Diantara aspek yang diberi penekanan adalah cara mengenali diri dengan lebih mendalam, keterampilan pemimpin dan juga cara pemimpin berkomunikasi. Diantara penceramah yang dijemput adalah Puan Rozalita Saupi dan Encik Mior Abdul Malek Raiyani. Program ini juga turut dihadiri dan dirasmikan sendiri oleh YBrs. Ts. Zainab Binti Ahmad iaitu Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Sekitar Aktiviti



SENAMAN PAGI SEBELUM
MEMULAKAN AKTIVITI



PARA PESERTA FOKUS MEMBUAT
TUGASAN YANG DIBERIKAN OLEH
PENCERAMAH JEMPUTAN



BERGAMBAR BERSAMA YANG DI-PERTUA
POLITEKNIK YANG LAIN

Sekitar Aktiviti



BERGAMBAR BERSAMA PENCERAMAH JEMPUTAN IAITU PUAN ROZALITA SAUPI





**POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK 1-12,
FASA 2, BANDAR BARU BETONG, JALAN BARU
BETONG, 95700, BETONG, SARAWAK**



[HTTPS://WWW.PMBS.EDU.MY/V3/](https://www.pmbs.edu.my/v3/)



[HTTPS://WWW.FACEBOOK.COM/PMBSEDU](https://www.facebook.com/pmbsedu)

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR MPP PMBS



ADMINPMBS@PMBS.EDU.MY

MPPPMBS@GMAIL.COM.MY



POLITEKNIKMETROBETONG 083-472676



083-472991



MPP PMBS



OFFICIALMPPPMBS



MPPPMBS_OFFICIAL

eISSN 2948-4669



9 772 948 466 002